

BAB KELIMA PENUTUP

5.1 KESIMPULAN

Konsep alam sekitar dalam Islam bukan hanya mencakupi aspek fizikal tetapi spiritual. Justeru, dalam menyelesaikan krisis alam sekitar seperti pencemaran, ianya bukan hanya perlu diselesaikan secara fizikal tetapi juga melalui nilai-nilai spiritual. Justeru, tidak timbul isu sama ada penguatkuasaan undang-undang lebih penting daripada pemantapan kesedaran etika alam sekitar dalam mengatasi masalah pencemaran air ini kerana kedua-dua pendekatan ini perlu bergerak secara bersepadu dan komprehensif. Walaupun JAS adalah badan penguatkuasa, JAS juga berperanan dalam menerapkan kesedaran masyarakat melalui aktiviti sosial dan ternyata JAS sememangnya telah dan terus melaksanakan khidmat sosialnya. Krisis pencemaran adalah berpunca dari etika manusia dan penyelesaiannya juga mestilah dari aspek etika dan ini sejajar dengan firman Allah yang menyatakan bahawa kerosakan bumi ini berpunca dari perbuatan manusia. Aspek etika dan nilai-nilai estetika ini merupakan perkara asas dalam sistem kehidupan Islam iaitu aspek akhlak. Namun, nilai-nilai spiritual yang dimaksudkan bukan hanya aspek etika tetapi juga aqidah dan aspek inilah yang gagal diasimilasi dalam diri manusia umumnya tanpa menyedari bahawa alam sekitar merupakan medium perantara yang penting antara manusia dan Tuhannya.

Daripada enam puluh tiga ayat-ayat al-Quran tentang air, Allah telah menunjukkan kepentingan air kepada manusia dan cara menggunakannya dengan adil dan rasional demi kelestarian alam sekitar, pembangunan dan kemajuan ekonomi serta kesinambungan kehidupan. Perbincangan para fuqaha' tentang pembahagian jenis-jenis air, standard taharah

dan najasah sangat signifikan terhadap kawalan kualiti air kerana ianya berdasarkan dalil-dalil naqli. Walaupun diakui bahawa standard ini begitu umum dan memberi fokus kepada aspek fizikal sahaja dek kerana masalah pencemaran air tidak begitu kompleks seperti sekarang ini, standard yang ditetapkan dalam undang-undang Islam tetap relevan sehingga kini dan tidak bertentangan malah wujud persamaan dalam segenap aspek. Melalui perkembangan sains dan teknologi kontemporari menjadikan standard kualiti air kini begitu spesifik parameteranya dari aspek fizik, kimia dan biologinya. Namun, perlu diakui perbezaan juga wujud antara dua standard ini. IKA lebih terperinci dari aspek air tercemar manakala pendekatan Islam lebih terperinci dari aspek air bersih. Berdasarkan petunjuk kontemporari, pencemaran air semakin kompleks. Pelbagai jenis pencemaran baru timbul. Justeru, pendekatan Islam dilihat semakin relevan kerana mungkin suatu masa nanti, kualiti air yang digunakan sehari-hari perlu mencapai tahap *mutlaq* sahaja kerana faktor pencemaran yang kompleks dan sukar dikesan. Daripada kes-kes yang dianalisis, tidak wujud percanggahan antara kedua-dua standard kualiti ini kerana matlamat utamanya tetap sama iaitu menjaga kesihatan sejagat dan kelestarian alam sekitar.

Umumnya, dalam undang-undang Islam, air turut dibincangkan dari perspektif hak asasi. Semua makhluk mempunyai hak yang sah di sisi syara' untuk akses kepada air yang mencukupi dan memiliki standard kualiti yang bersesuaian dengan penggunaan. Hak-hak ini meliputi hak minum, hak menyiram, hak perparitan dan hak penyaluran air. Prinsip yang ditekankan dalam pengagihan air adalah keadilan dan juga merujuk kepada persetujuan ramai bagi mengelakkan sebarang pertikaian. Apa yang didapati adalah, aspek-aspek hak terhadap air ini banyak berkisar pengurusan kuantiti air. Hal ini mungkin kerana faktor lokaliti yang dialami di kawasan-kawasan padang pasir yang sukar untuk mendapatkan kuantiti air yang mencukupi untuk pelbagai tujuan dan masalah kualiti air

masih belum rumit kerana masalah pencemaran tidak begitu ketara. Hak-hak air ini masih dibincangkan sehingga kini kerana masih ramai mangsa keputusan bekalan air terutama di negara-negara yang menerima taburan air yang rendah seperti di Timur Tengah dan Afrika sehingga krisis kekurangan air ini mencetuskan peperangan. Malaysia juga perlu mengambil berat kerana isu bekalan air Malaysia-Singapura juga masih menemui jalan buntu untuk mencari penyelesaian terbaik. Justeru, isu berkaitan air rancak dibincangkan dari perspektif hak asasi di peringkat antarabangsa. Antara konsep lain berkaitan pengurusan air adalah *harim* dan *hima*. *Harim* terutamanya *harim nahr* atau rezab sungai turut berperanan untuk mengawal kualiti air. Konsep *hima* pula menekankan aspek perlindungan hutan yang merupakan kawasan tadahan hujan yang menjadi sumber air utama sangat praktikal diamalkan dalam mengawal kualiti dan kuantiti air sehingga kini.

Undang-undang Islam merupakan undang-undang alternatif terbaik dalam menyekat pencemaran air. Al-Quran, al-Hadith dan sumber-sumber perundangan Islam yang lain banyak menyebut secara menyeluruh dan bersepadu tentang polisi dan pengurusan kualiti serta kuantiti air. Seperti yang dinyatakan di dalam bab dua metodologi *fiqh al-bi'ah* merangkumi dua aspek iaitu deduktif dan induktif. Perdekatan deduktif bermula daripada konklusi komprehensif yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis s.a.w dan perbahasan dalam khazanah fiqh. Bagi menentukan hukum fiqh melalui metodologi usul fiqh, konsep *al-Amr* (commands) dan *al-Nahy* (injunctions) wajar diaplikasikan. Perintah (*i'mar* dan *taskhir*) mengimarahkan dan membangunkan alam sekitar ini perlu dilaksanakan secara mampan begitu dan ianya sejajar dengan konsep pembangunan mampan yang diperkenalkan di peringkat global. Terdapat banyak larangan Allah di dalam al-Quran terhadap perbuatan melakukan kerosakan di bumi begitu juga hadis nabi yang melarang melakukan pencemaran di tempat awam dan di air walaupun dengan air kencing

apatah lagi jika dicemari bahan-bahan yang lebih membahayakan kesihatan seperti yang banyak terjadi sekarang ini iaitu dicemari oleh logam-logam berat. Manakala, pendekatan induktif dimulakan daripada data-data kajian lapangan tentang dasar, langkah, tindakan dan strategi manusia atau pihak berwajib berkaitan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar menerusi pendekatan *masalahah* dan *mafsadah*. Dan inilah yang dilakukan oleh penulis dan mendapati bahawa keputusan-keputusan mahkamah dalam menimbangtara kes-kes pencemaran air perlulah member proriti kepada kepentingan awam (*masalahah 'ammah*) berbanding kepentingan peribadi (*masalahah khassah*).

Sistem perundangan Islam begitu komprehensif. Selain menguatkuasakan undang-undang substantif oleh institusi *hisbah* oleh *muhtasib*, perundangan Islam menekankan beberapa aspek asas seperti falsafah dan etika perundangan menerusi metodologi perundangan yang tetap pada ketetapanannya dan fleksibel serta dinamik mengikut perubahan kontemporari dan pengaruh lokaliti. Perundangan Islam juga unik kerana mempunyai maksim perundangan tersendiri dan hukumannya yang adil yang mampu mencegah daripada kesalahan dari terus dilakukan dan mendidik pesalah serta memberi kesedaran kepada masyarakat umum. Kesemua sistem perundangan Islam ini akan dikupas dari perspektif mengawal kesalahan mencemarkan air seperti sungai. Metodologi undang-undang Islam yang berteraskan *maqasid al-syari'ah* perlu dijadikan rujukan dalam membuat keputusan terhadap kes-kes pencemaran yang perlu memberi keutamaan dari aspek *masalahah 'ammah*. Dalam kesemua kes yang dianalisis, dalam menjatuhkan hukuman bagi kesalahan pencemaran air daratan, perkara utama yang dipertimbangkan oleh hakim-hakim mahkamah adalah kepentingan awam atau *masalahah 'ammah*. Konsep *masalahah* terutamanya *masalahah daruriyyah* yang membincangkan aspek *al-daruriyyah al-khamsah* yang terdiri daripada aspek menjaga agama (*hifz al-din*), menjaga nyawa (*hifz*

al-nafs), menjaga keturunan (*hifz al-nasl*), menjaga harta (*hifz al-mal*) dan menjaga akal (*hifz al-'aql*) yang mana kesemua lima perkara tersebut sebenarnya berkait rapat dengan kepentingan menjaga alam sekitar (*hifz al-bi'ah*). Kesemua kepentingan di atas tidak dapat dijaga jika tidak menjaga alam sekitar. Pelbagai maksim perundangan Islam juga begitu praktikal diaplikasikan dalam membuat arbitrari atau timbangtara penghakiman bagi mencegah daripada melakukan kemudaratan dengan polisi dan prioriti tersendiri dalam menimbang perkara-perkara yang melibatkan aspek menghasilkan kebajikan dan menghilangkan kemudaratan. Institusi penguatkuasaan Islam yang dipanggil *hisbah* juga didapati dipraktikkan sehingga kini. Jabatan Alam Sekitar merupakan badan penguatkuasa yang sentiasa memantau kualiti air dan menjalankan pemeriksaan di premis-premis yang didapati mencemarkan sungai.

Antara yang membezakan undang-undang Islam dengan yang lainnya adalah penerapan falsafah perundangan yang membentuk pemikiran masyarakat yang berteraskan aqidah Islam dan menekankan aspek etika yang berasaskan kemurnian akhlak. Kedua-dua aspek falsafah dan etika Islam ini saling bersangkutan dengan nilai keagamaan. Ahli falsafah Islam terkemuka yang banyak menulis hubungan Islam dan alam sekitar seperti Seyyed Hossein al-Nasr berpandangan apabila manusia melakukan pencemaran ini bermakna mereka gagal meyakini bahawa Allah itu bersifat mengelilingi (*al-Muhit*) bumi ini. Selain daripada itu, falsafah yang perlu diterap dalam pemikiran manusia adalah perlu sentiasa sedar dan peka bahawa manusia ini dijadikan sebagai khalifah untuk memakmurkan bumi bukannya melakukan kemusnahan. Ianya dianggap suatu amanah yang berat yang dipertanggungjawabkan ke atas setiap manusia. Menurut Osman Bakar, tanggungjawab manusia ke atas alam sekitar bermula dengan kalimah syahadah yang merupakan suatu penyaksian dan perakuan untuk bersedia menjadi khalifah dengan

memikul amanah yang digalas sebagai seorang hamba Allah. Manusia sebagai hamba perlulah memelihara alam kerana alam ini merupakan tempat beribadat untuk dihitung di hari pembalasan. Alam ini perlu dilihat sebagai medium perantara yang penting antara manusia dan Tuhannya. Air yang digunakan untuk mandi dan berwuduk membolehkan manusia bertemu dengan Tuhannya lima kali sehari dalam keadaan yang bersih. Islam agama fitrah yang menyuruh umatnya melakukan kebajikan kepada alam sesuai dengan fitrah insani yang sukakan kedamaian dan keamanan bukannya kerosakan alam dan kemusnahan seperti yang didakwa Barat yang menuduh Islam sebagai agama perosak alam sekitar kerana mengajar umatnya melakukan keganasan seperti perang.

Selain pendekatan falsafah, pendekatan etika perundangan juga amat dititikberatkan dalam Islam. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat prinsip yang menyentuh tindakan beretika (*ethical treatment*) untuk alam sekitar dan dijelmakan dalam bentuk undang-undang. Persamaan konsep etika dan akhlak ini tidaklah menyeluruh. Akhlak meliputi aspek hubungan dengan Tuhan. Nabi Muhammad melarang umatnya menebang pokok dan membakar tanaman kecuali keadaan yang benar-benar memaksa supaya berbuat demikian. Selain itu, kita juga diajarkan sifat-sifat *mahmudah*. Dengan sikap *qana'ah* dan bersyukur yang diajarkan oleh Islam, ianya mengajar manusia menggunakan sumber alam sekadar keperluan, tidak membazir dan mensyukuri nikmat yang diberi dan tidak tamak demi kehendak material sedangkan Islam menganjurkan sikap *ta'awun* antara satu sama lain dan bukannya untuk kepentingan diri semata-mata. Fungsi sosial atau konsep *takaful* (saling bantu-membantu) dapat dilihat melalui konsep '*hima*' (penjagaan) antara satu makhluk dan ke satu makhluk yang lain. Sikap *mahabbah* dan *ihsan* pula memupuk manusia menyayangi sesama makhluk dan alam sekitar serta menghindar dari tindakan zalim ke atasnya. Melalui konsep *ihsan*, manusia akan menjadi

lebih berhati-hati dalam setiap gerak dan tindak kerana sentiasa memegang prinsip bahawa Allah sentiasa mengawasi tingkah laku kita sama ada tindakan zahir atau tersembunyi. Sifat tamak (*takathur*) akan memakan amalan kebajikan dan sifat inilah yang mendorong kepada eksploitasi dan pembaziran (*israf*) dan seterusnya mengancam kemampanan hidupan.

Nilai-nilai estetika alam sekitar yang disebutkan di dalam al-Quran juga perlu dilestarikan. Sifat kesimetrian (*mizan*), keseimbangan (*tawazun*), kesegaran (*nasim*) dan digambarkan melalui kedinginan angin, hujan dan kehijauan. Alam ini juga bersifat *salah*, *hasan* dan *jamal* dan menjadikan dunia ini sebagai *zinah*. Justeru, bagi memastikan kesempurnaan ciptaan alam ini terus lestari, Allah telah menjelaskan objektif penciptaan ini agar manusia sedar mengenainya. Penciptaan alam merupakan dalil kewujudan Allah. Sifat *al-Wujud* dibuktikan melalui penjelasan al-Quran (*ayat al-Maqrū'ah*) dan kejadian alam semesta (*ayat al-Manzūrah*). Alam ini juga merupakan medium perantara untuk mempelajari sesuatu atau menuntut ilmu Allah mencakupi ilmu matematik, fizik dan metafizik, saintifik dan spiritual, kualitatif dan kuantitatif, praktikal dan estetika. Malah, dengan ilmu juga martabat manusia dibezakan dengan makhluk yang lain. Alam ini secara jelasnya merupakan manifestasi kepada (آيات الله). Di sini jugalah tempat beribadah, malah seluruh unsur alam juga beribadat kepada Allah dengan berzikir. Sesungguhnya penciptaan alam semesta bersifat sementara (*fana'*) sebagai tempat menilai ketaqwaan di kalangan manusia untuk kehidupan yang kekal (*baqa'*) dan untuk menilai siapa yang paling baik amalannya dan memberi ruang dan peluang manusia membuat kebaikan sesama makhluk termasuklah flora dan fauna. Manusia juga boleh memanfaatkan alam ini bagi mengisi keperluan hidup manusia. Namun, alam semesta ini milik Allah dan perlulah menggunakan

atau membangunkan dengan mampan tanpa memusnahkannya. Dapatlah difahami bahawa terdapat suatu konsep saling berhubungan antara manusia, alam sekitar dan Tuhannya. Dari konsep saling berhubungan dan saling bergantung inilah yang membentuk prinsip ekologi Islam yang juga merangkumi aspek ketuhanan.

Di Malaysia, konflik bidangkuasa begitu ketara dari aspek perundangan. Terdapat beberapa undang-undang yang mengawal pencemaran air dan dikuatkuasakan oleh agensi penguatkuasa yang berlainan. Undang-undang yang mengawal pencemaran air bukan hanya melalui AKAS 1974 yang dikuatkuasakan oleh JAS seperti kajian ini tetapi terdapat juga akta-akta lain seperti Akta Perhutanan Negara 1984 dan Akta Pemuliharaan Tanah 1960 di bawah bidangkuasa kerajaan negeri. Di bawah bidangkuasa kerajaan tempatan pula seperti Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Namun, kajian ini tidaklah mengupas kesemua undang-undang secara terperinci. Limitasi kajian ini adalah kepada sekatan pencemaran sungai atau air daratan yang dikuatkuasakan oleh JAS dan hanya satu negeri yang menjadi sampel adalah Negeri Selangor. Ini kerana Negeri Selangor dilaporkan sebagai negeri yang paling banyak kes pencemaran air daratan.¹ Kes-kes yang dianalisis pula hanyalah kes-kes pencemaran air daratan yang berpunca daripada kumbahan effluen-effluen perindustrian (*point-source pollution*).

Perlindungan alam sekitar berkait rapat dengan hak asasi manusia. Ianya berkait rapat dengan hak untuk hidup dan hak terhadap kesihatan serta hak terhadap standard kehidupan yang mencukupi dan memenuhi keperluan asas. Terdapat juga hak-hak lain yang berkaitan seperti hak untuk privasi, kediaman dan kehidupan keluarga, hak untuk

¹ Jabatan Alam Sekitar, http://www.doe.gov.my/files/u1/kes_mahkamah.pdf, 30 Disember 2009; http://www.doe.gov.my/files/u1/15_1_12_09_Summary_Kes_Mahkamah_2008_BM_.pdf, 30 Disember 2009.

kebebasan berserikat, hak terhadap harta, hak terhadap kebudayaan dan minoriti dan sebagainya. Ini bermakna, tidak ada hak yang spesifik yang disandarkan secara langsung kepada alam sekitar tetapi ianya boleh dikembangkan daripada triti-triti hak asasi sedia ada sama ada triti-triti yang mencakupi hak sivil dan politik, hak ekonomi, sosial dan budaya dan hak generasi ketiga. Menerusi hak-hak ini, interpretasinya diluaskan merangkumi instrumen alam sekitar seperti air.

Terdapat beberapa instrumen global berkaitan hak manusia terhadap air. Piagam *United Nations* antaranya berperanan menyelesaikan masalah kesihatan di peringkat antarabangsa. Kesemua ini tidak akan tercapai jika tidak meletakkan air sebagai hak asasi memandangkan kini telah berlaku perubahan iklim (pemanasan global), peningkatan populasi dan masalah kekurangan bekalan air. Peruntukan yang terkandung di dalam *Universal Declaration of Human Rights* juga memerlukan pentafsiran secara tidak langsung bahawa air merupakan elemen penting bagi hak untuk mencapai standard kehidupan yang diperlukan. Jika dilihat Artikel 20, 26 dan 46 Geneva Convention III (1949), semuanya memperuntukkan hak terhadap air dan sanitasi secara spesifik tetapi hanya bagi banduan perang. Artikel 85, 89 dan 127 Geneva Convention IV (1949) pula memperuntukkan tentang hak mendapatkan air, kesihatan dan sanitasi untuk orang dalam tahanan. Menurut *The 1966 Covenants (International Covenant on Civil and Political Rights [ICCPR] dan International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights (ICESCR)*. ICCPR juga menekankan aspek hak untuk hidup yang mana secara konvensionalnya dikonsepsikan secara implisit merangkumi hak untuk mendapatkan air. Namun, Artikel 11 dan 12 ICESCR lebih jelas tentang hak untuk mengakses air untuk makanan dan kesihatan. Di dalam Artikel 8 (1) *Declaration on the Right to Development* hak untuk mendapatkan makanan dan air bersih juga merupakan dasar hak asasi manusia.

Hanya dua triti ini yang merujuk secara terus hak terhadap air iaitu *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW)* & *Convention of the Rights of the Child*. CEDAW memperjuangkan penghapusan diskriminasi terhadap wanita terutama di kawasan pedalaman bagi memastikan wanita dapat menikmati sanitasi dan bekalan air. Penekanan yang berbeza didapati di dalam *Convention of the Rights of the Child*. Ianya cuba mengenalpasti hak kanak-kanak untuk menikmati standard kesihatan paling tinggi yang boleh dicapai demi mengelakkan penyakit dan air minuman yang bersih.

Jika merujuk instrumen alam sekitar global pula, terdapat lima instrumen yang menyentuh aspek hak terhadap air yang bersangkutan dengan alam sekitar iaitu pertama, *Stockholm Declaration* yang turut menyatakan tentang hak untuk hidup dalam alam sekitar yang berkualiti dan sumber alam semulajadi termasuklah air yang perlu dipulihara untuk faedah generasi akan datang. Kedua, *Mar del Plata Action Plan*. Spesifikasi instrumen air misalnya di dapati dalam *Action Plan from the United Nations Water Conference* yang dilaksanakan di Mar del Plata pada 1977, telah mengenalpasti air sebagai suatu hak asasi, dan memutuskan bahawa semua manusia mempunyai hak untuk minum air yang cukup kuantiti dan kualitinya sebagai keperluan asas. Natijah daripada persidangan ini, pelancaran *International Drinking Water Supply and Sanitation Decade* (1980-1990) dengan slogan "Water and Sanitation for All" telah diadakan. Tiga lain instrumen telah dibincangkan sebelum ini seperti Dublin Statement yang mana prinsip keempat *Dublin Conference on Water and Sustainable Development* secara langsungnya mengukuhkan lagi hak manusia terhadap air. Ianya sangat penting kerana merupakan hak asasi untuk semua manusia untuk mengakses air bersih dan sanitasi pada harga yang berpatutan. *Agenda 21* dan *Millenium Declaration and Political Declaration of Johannesburg* telah dibincangkan sebelum ini yang mana kedua-duanya menyatakan tentang air sebagai hak asasi manusia

dari segi kualiti dan kuantitinya dan berkait rapat dengan matlamat pembangunan manusia dari segi sosial mahupun ekonomi.

Pencemaran air tidak mengenal sempadan negeri dan negara. Justeru, untuk menguruskan air dengan efektif, kerjasama antarabangsa merupakan langkah yang tepat. Terdapat pelbagai triti multilateral antarabangsa diratifikasi. *The United Nations Conference on the Human Environment* (juga dikenali sebagai Persidangan Stockholm) merupakan persidangan major yang pertama UN berkaitan isu alam sekitar antarabangsa dan berjaya membangkitkan kesedaran global. Contoh terbaik adalah *Agreement on the Action Plan for Environmentally Sound Management of the Zambezi River System* yang dilaksanakan di Harare yang dilaksanakan di bawah UNEP (*United Nations on Environment Programme*). Begitu juga Suruhanjaya Ekonomi Eropah juga telah mempromosikan usaha yang komprehensif dengan melaksanakan “Ecosystem Approach to Water Management”. Kesemuanya memperjuangkan pengurusan air yang berhemah agar tidak dicemari untuk keseimbangan ekosistem dan kesihatan masyarakat seperti yang ditekankan oleh UNCED (*United Nations Conference on Environment dan Development*) “Perlindungan Kualiti dan bekalan sumber air bersih: Aplikasi pendekatan bersepadu untuk pembangunan, dan pengurusan sumber air” di dalam Bab 18 *Agenda 21*. Terdapat pelbagai lagi deklarasi dan persetujuan antarabangsa yang dilaksanakan oleh badan-badan antarabangsa seperti *ILA(International Law Association)*, *IDI (Institut de Droit International)*, *ILC (International Law Commission)*, *ECE (Economic Commission for Europe)* dan sebagainya berkaitan pengurusan kualiti dan kuantiti air di peringkat antarabangsa.

Namun di Malaysia, pengurusan air bukanlah suatu pengurusan yang bersifat kerjasama di peringkat nasional tetapi mengikut bidangkuasa negeri malah terdapat

kempen Jabatan Pengairan dan Saliran “Satu Negeri Satu Sungai”. Di dalam Perlembagaan, dalam menyelesaikan masalah pencemaran air, boleh dikatakan pengagihan kuasa ini antara punca besar masalah pengurusan dan perundangan di Malaysia kerana pencemaran air tidak mengenal sempadan antara negeri. Pencemaran sungai adalah di bawah peruntukan AKAS 1974 dan di dalam bidangkuasa Jabatan Alam Sekitar, sebuah agensi Pusat. Jika kita perhalusi pelaksanaan Penilaian Impak Alam Sekitar atau Environmental Impact Assesment (EIA), aktiviti pembalakan tertakluk kepada Akta Perhutanan Negara 1984 dan aktiviti perlombongan pasir pula tertakluk di bawah Kanun Tanah Negara 1965 yang mana aktiviti-aktiviti ini menyumbang pencemaran air yang serius tetapi masing-masing berada di bawah bidangkuasa dan kawalan jabatan perhutanan dan pejabat tanah yang merupakan agensi kerajaan negeri. Namun, jika difahamkan Perkara 76 Perlembagaan, kerajaan Persekutuan berhak membuat undang-undang walaupun jika ia berada dalam Senarai Negeri atas alasan-alasan seperti untuk melaksanakan triti antarabangsa. Seperti yang dibincangkan terdapat banyak triti antarabangsa yang menyediakan garis panduan pengurusan pencemaran air. Justeru, sebenarnya, tidaklah menjadi masalah untuk menjadikan pengurusan sungai di Malaysia menjadi bersepadu. Namun, pihak manakah yang sanggup menambah bidangkuasanya atau pihak manakah yang sanggup dikurangnya kuasanya?

Tiga badan utama yang berkompeten terhadap pencemaran sungai iaitu Jabatan Alam Sekitar(JAS) yang merupakan agensi pusat, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Akta yang dikuatkuasakan di bawah JAS ini adalah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS). Bagi maksud sekatan pencemaran air ianya tertakluk kepada seksyen 25 dan peraturan-peraturan yang bersangkutan dengannya seperti Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen Industri) 1979, Peraturan-

peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis-premis Tertentu) (Minyak Sawit Mentah) 1977 dan (Getah Asli Mentah) 1978 Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Alam Sekitar) 1987. Bagi Kerajaan Negeri ianya tertakluk kepada Kanun Tanah Negara 1965, Akta Perhutanan Negara 1984 dan Akta Pemuliharaan Tanah 1960. Terdapat banyak aktiviti yang tertakluk kepada statut ini yang turut terlibat mencemarkan air seperti perlombongan, pertanian dan penebangan hutan. Kerajaan Tempatan pula bertanggungjawab terhadap kerja-kerja tanah yang boleh mencemar sistem sungai akibat hakisan tanah, melalui Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Menepati Akta Kerajaan Tempatan 1976 mereka juga menguruskan pembuangan sampah sarap. Pihak berkuasa ini jugalah yang merancang perkembangan bandar melalui Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Justeru, walaupun terdapat banyak undang-undang sekatan pencemaran air ini, mengapakah pencemaran terus berlaku? Dapatlah diketahui bahawa terdapat banyak sumber pencemaran air yang diklasifikasikan kepada sumber tetap dan sumber tidak tetap. Pihak JAS hanya mengawal pencemaran dari punca tetap tetapi masalah pencemaran air yang lebih besar berpunca dari punca-punca tidak tetap dan melibatkan banyak pihak dan undang-undang. Keadaan-keadaan agihan bidangkuasa yang sempit inilah yang menjadikannya sukar untuk diurus secara bersepadu. Sedangkan masalah pencemaran air ini perlu dilihat lebih umum dan perlu kawalan berpusat dan sejajar dengan undang-undang antarabangsa. Malah, masalah pencemaran air juga turut dikawal oleh undang-undang lain seperti Akta Air 1920, Akta perikanan 1985, Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan turut diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan dan undang-undang persendirian seperti undang-undang kecuaiian dan kacauganggu.

Secara keseluruhannya, undang-undang sekatan pencemaran air di Malaysia ini menepati ketetapan dalam undang-undang Islam. Jika dilihat dari aspek hukuman juga, kita dapat melihat semakin tinggi tahap bahaya pencemaran kepada masyarakat umum maka semakin tinggilah denda yang dikenakan. Umumnya juga, semakin banyak parameter yang dilanggar, semakin tinggilah juga hukuman yang dijatuhkan. Walaupun satu parameter dilanggar tetap merupakan suatu kesalahan. Ianya bertepatan dengan standard kualiti air Islam. Jika berubah salah satu daripada sifat air sama ada bau, rasa dan warna maka air itu dikatakan bernajis atau tercemar.

Hukuman yang dikenakan berbentuk *ta'zir*. Bagi kesalahan mencemarkan perairan daratan, menurut seksyen 25 AKAS 1974 denda yang dikenakan boleh mencapai RM100 000 dan penjara 5 tahun. Namun, ada juga peruntukan hukuman mati bagi pencemaran air. Hukuman bunuh boleh dijatuhkan ke atas pencemar alam sekitar atau khususnya pencemar air yang mengakibatkan kematian. Merujuk kepada Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, Seksyen 121 memperuntukkan hukuman mati bagi kesalahan mengenai mencemarkan air. Adakah hukuman ini sejajar dengan Islam? Jawapannya, ianya masih selaras dengan undang-undang Islam. Berdasarkan *Surah al-Ma'idah* ayat 32 dan 33 menetapkan hukum *qisas* ke atas pembunuh yang sabit kesalahannya dan membolehkan hukum bunuh diimplimentasikan ke atas orang yang melakukan kerosakan di muka bumi.

5.2 CADANGAN

Sepertimana yang dibincangkan sebelum ini, Islam mengiktiraf air sebagai suatu hak asasi sejagat dan ianya diperjuangkan di peringkat antarabangsa. Namun, di dalam Perlembagaan Persekutuan tidak diperuntukkan hak perlindungan alam sekitar termasuklah air. Justeru, dicadangkan agar dimasukkan satu peruntukan yang khusus berkaitan hak asasi manusia terhadap alam sekitar yang seimbang. Dengan mengambil contoh Artikel 16 Perlembagaan Filipina yang memperuntukkan "*the State shall protect and advance the right of the people to a balanced and healthful ecology in accord with the rhythm and harmony of nature*". Artikel 24 Perlembagaan Afrika Selatan pula memperuntukkan secara khusus hak asasi berkaitan alam sekitar yang mana dinyatakan dengan jelas bahawa setiap individu mempunyai hak terhadap alam sekitar yang terlindung dari kerosakan demi kehidupan yang sihat dan faedah kepada generasi akan datang. Perkara ini perlu diberi perhatian yang serius kerana ancaman kemerosotan kualiti alam sekitar Malaysia semakin ketara berdasarkan kajian *Environment Performance Index 2010* yang mana Malaysia kini berada pada kedudukan ke 54 di seluruh dunia. Sedangkan sebelum ini Malaysia pernah mencapai kedudukan tertingginya iaitu di tangga ke 9 pada tahun 2006 yang mana Malaysia pada ketika itu diiktiraf sebagai negara Asia terbaik kualiti alam sekitarnya.

Selain memasukkan peruntukan baru di dalam Perlembagaan Persekutuan, dicadangkan juga agar dilakukan pindaan berkaitan bidangkuasa berkaitan air. Air merupakan perkara negeri. Menurut Jadual 9 Senarai 2 Senarai Negeri, diperuntukkan perkara-perkara berkaitan dengan air seperti pembahagian kuasa kawalan dan hasil air kepada kerajaan-kerajaan negeri dan hasil air kepada kerajaan-kerajaan negeri berkaitan. Justeru, dicadangkan agar bidangkuasa air diletakkan di bawah senarai persekutuan.

Dengan itu, pelaksanaan undang-undang air secara bersepadu dapat dilaksanakan melalui agensi penguatkuasa pusat.

Namun, air hanyalah salah satu komponen alam sekitar. Sedangkan bidangkuasa pengurusan alam sekitar secara keseluruhannya juga tidak terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebenarnya, perbincangan tentang bidangkuasa air telah dibincangkan di dalam kes *Ketua Pengarah JAS & Anor v. Kajing Tubek & Ors & Other Appeals (kes Bakun)*. Hakim Mahkamah Rayuan, Mokhtar Sidin menghujahkan 'alam sekeliling' tidak termuat dalam mana-mana senarai dalam Jadual Sembilan dan kelihatan kedua-dua badan Persekutuan dan Negeri berkompeten dalam membuat undang-undang berhubung kesan alam sekeliling dan harus melihat kepada aktiviti yang mana kesan alam sekeliling ditujukan. Pandangan beliau tidak komprehensif kerana melihat komponen alam sekitar secara terasing. Komponen-komponen alam sekitar seperti tanah, air dan udara memerlukan pengurusan yang komprehensif dan bersepadu. Justeru, dicadangkan agar peruntukan berkaitan bidangkuasa perlindungan alam sekitar dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual 9 Senarai 1 Senarai Persekutuan. Namun, menerusi Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan, kerajaan Persekutuan berhak membuat undang-undang walaupun jika ia berada dalam Senarai Negeri atas alasan-alasan seperti melaksanakan apa-apa triti antarabangsa, perjanjian atau konvensyen mana-mana organisasi antarabangsa yang dianggotai Persekutuan. Justeru, kita dapat melihat pelbagai triti multilateral dan konvensyen di peringkat antarabangsa diimplimentasikan dalam mengawal pencemaran air. Undang-undang Islam yang universal juga menggalakkan kerjasama serantau dalam menyelesaikan masalah. Malah, badan-badan antarabangsa juga sering mempromosikan pendekatan undang-undang Islam dalam menguruskan air seperti WHO.

Masalah perundangan berkaitan kawalan pencemaran air sangat ketara dari aspek pertindihan bidangkuasa antara beberapa agensi penguatkuasa seperti JAS, PBT dan JPP. Namun, apabila berlaku masalah pencemaran air, banyak pihak akan menuding jari ke arah JAS sedangkan ianya hanya mempunyai bidangkuasa terhad untuk mengawal pencemaran air industri sahaja (punca tetap). Jika kita perhalusi pelaksanaan Penilaian Impak Alam Sekitar atau *Environmental Impact Assesment* (EIA). Aktiviti pembalakan tertakluk kepada Akta Perhutanan Negara 1984 dan aktiviti perlombongan pasir pula tertakluk di bawah Kanun Tanah Negara 1965. Aktiviti-aktiviti ini banyak mengakibatkan pencemaran air yang serius tetapi berada di bawah bidangkuasa dan kawalan jabatan perhutanan dan pejabat tanah. Kedua-dua institusi ini merupakan agensi kerajaan negeri dan begitu juga dengan PBT dan JPP. Maka dicadangkan agar bidangkuasa berkaitan kawalan pencemaran air diberikan sepenuhnya kepada JAS. Hal ini kerana JAS dilihat mempunyai pelan dan strategi penguatkuasaan yang sistematik dan efisien. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat mempunyai satu agensi pusat iaitu *Environment Protection Agency* yang mengawal keseluruhan masalah pencemaran air baik dari punca tetap mahupun tidak tetap. Pengurusan yang bersepadu begini mampu membantu melicinkan pentadbiran, pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang sekaligus mengelakkan pertindihan bidangkuasa. Namun, dipercayai bahawa setiap agensi penguatkuasa pasti tidak mahu bidangkuasa mereka terhakis. Justeru, dicadangkan juga agar penguatkuasaan bersepadu dijalankan. Penguatkuasaan bersepadu ini bermaksud strategi penguatkuasaan dijalankan secara bersama dan sistematik. Kerjasama begini juga dilihat dapat mengurangkan masalah pencemaran dan dapat menyelesaikan secara bersama mengikut had bidangkuasa masing-masing.

Kajian ini mendapati bahawa pencemaran dari punca tetap ini mampu dikawal oleh JAS cuma perlu diperbaiki dari aspek penguatkuasaan dan pendakwaan. Kelemahan penguatkuasaan dalam mendapatkan bahan bukti yang mencukupi tentang wujudnya pelepasan sisa industri ke perairan daratan memerlukan latihan berterusan dan dibantu oleh pegawai kualiti yang berpengalaman. Dari segi pendakwaan pula, pihak JAS perlu memilih pendakwa yang berlatarbelakangkan pendidikan undang-undang agar perbicaraan di mahkamah menjadi lebih efisien. Walaupun pendakwa ini mendapat latihan pendakwaan dari ILKAP tetapi proses pendakwaan ini lebih bersifat praktikal dan bukannya teori semata-mata. Jika ianya sukar dilaksanakan, dicadangkan juga penasihat undang-undang di JAS ditambah dan bukan hanya seorang sahaja seperti sekarang ini. Boleh juga dipertimbangkan untuk melantik penasihat syariah di Jabatan Alam Sekitar dalam memantau pengurusan JAS dan memberi nasihat dari perspektif syariah.

Di Malaysia, terdapat banyak undang-undang berkaitan air dan boleh mengelirukan serta mempunyai peruntukan berkaitan larangan pencemaran air. Antaranya Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Makanan 1983, Akta Pemuliharaan Tanah 1960, Akta Perikanan 1988, Akta Perkhidmatan Pembentukan 1993 dan Kanun Keseksaan. Tidak ada satu pun undang-undang yang menggunakan nama “Akta Air” tetapi semuanya di bawah perkara-perkara tertentu seperti dinayatkan di atas. Sebenarnya, di Malaysia terdapat Akta Air iaitu Akta Air 1920 tetapi tidak komprehensif. Justeru, dicadangkan agar menggubal hanya satu undang-undang air yang komprehensif dan bersepadu merangkumi aspek kualiti air mahupun kuantiti air. Dicadangkan agar badan perundangan Malaysia merujuk kepada undang-undang persekutuan di Amerika Syarikat berkaitan air iaitu *Clean Water Act 1972*.

Pendekatan yang digunakan begitu komprehensif dan bersepadu serta efisien dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan air.

Pada mulanya, hukuman bagi kesalahan pencemaran air daratan di bawah seksyen 25 AKAS 1974 hanyalah RM 10 000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya. Setelah dipinda pada 1996, hukuman bertambah kepada RM100 000 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya. Petambahan hukuman ini setelah menilai aspek kepentingan umum terutamanya aspek kesihatan, ekonomi dan reputasi negara. Maka, atas dasar itu juga, dicadangkan agar hukuman ini ditingkatkan lagi dan turut memperuntukkan hukuman mati. Hukuman mati boleh dijatuhkan ke atas pencemar alam sekitar atau khususnya pencemar air yang mengakibatkan kematian. Merujuk kepada Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, Seksyen 121 memperuntukkan hukuman mati bagi kesalahan mengenai mencemarkan air. Adakah hukuman ini sejajar dengan Islam? Jawapannya, ianya masih selaras dengan undang-undang Islam. Berdasarkan Surah al-Ma'idah ayat 32 dan 33 menetapkan hukum *qisas* ke atas pembunuh yang sabit kesalahannya dan membolehkan hukum bunuh diimplimentasikan ke atas orang yang melakukan kerosakan di muka bumi.

Berdasarkan dapatan kajian ini, pendekatan undang-undang Islam boleh dijadikan sebagai suatu alternatif kerana ianya berteraskan agama dan boleh membangkitkan sensitiviti masyarakat terhadap isu pencemaran air. Hal ini kerana, masalah etika masyarakat memmanifestasikan rendahnya nilai akhlak dan akidah Islam. Masyarakat gagal melihat tentang peri pentingnya air dalam kehidupan beragama. Kesedaran ini perlu diterapkan dalam diri dan pemikiran masyarakat. Pihak-pihak seperti JAS perlulah bergiat aktif dalam mendidik masyarakat tentang kepentingan menjaga kualiti air. Aktiviti-aktiviti ini juga perlulah menerapkan nilai-nilai Islam. Aktiviti-aktiviti yang dimaksudkan

termasuklah forum, kempen, persidangan, pendidikan dan sebagainya. Forum Air misalnya dicadangkan agar membincangkan pengurusan pencemaran air dari perspektif Islam atau jika tidak mahu dilihat terlalu obsess dengan pendekatan Islam, dialog antara agama boleh dilaksanakan terutamanya di Malaysia yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai bangsa dan etnik. Masyarakat akan dapat menilai pendekatan agama masing-masing dalam memulihara air dan serba sedikit dapat membezakan pendekatan antara agama dan pastinya pendekatan Islam dilihat lebih universal dan komprehensif. Institusi keagamaan juga perlu memainkan peranannya. Di masjid misalnya, khutbah digalakkan untuk menyedarkan masyarakat Islam tentang pentingnya air yang bersih untuk berwuduk dan perlulah dilindungi dari pencemaran.

Dari aspek pendidikan pula, pendidikan alam sekitar sama ada di peringkat rendah atau menengah juga disarankan mengetengahkan pendekatan dan nilai-nilai Islam. Di peringkat universiti pula, subjek *fiqh al-Bi'ah* boleh diperkenalkan bagi mereka yang mengambil bidang syariah. Dalam bidang undang-undang pula, subjek undang-undang alam sekitar Islam boleh diperkenalkan yang menggunakan pendekatan perbandingan antara Islam dan Sivil. Keadaan ini juga akan mendorong penyelidikan yang berterusan dalam bidang alam sekitar yang semakin hangat dibincangkan sekarang ini terutama apabila dunia semakin kritikal dengan masalah pemanasan global.

Penglibatan media massa dilihat begitu efektif dalam menguatkuasakan undang-undang pencemaran air. Rancangan seperti Aduan Rakyat didapati berkesan kerana apabila perkara-perkara ini dipublikasikan, pihak-pihak bertanggungjawab akan bertindak dengan lebih drastik. Rancangan ini juga perlulah menekankan nilai-nilai keagamaan. Jika pengacaranya beragama Islam, bukan sahaja perlu membacakan peribahasa melayu untuk menyedarkan masyarakat tetapi ayat-ayat al-Quran dan hadis.

5.3 CADANGAN KAJIAN MASA DEPAN

1. Bidang undang-undang alam sekitar Islam sangat luas. Kajian ini hanya berfokus kepada komponen air dan lebih spesifik kepada kawalan kualiti dan pencemaran air dari punca tetap. Kajian lanjutan dari perspektif kawalan pencemaran dari punca tidak tetap dan dari aspek kuantiti air dilihat sangat penting. Kajian pencemaran terhadap komponen alam sekitar yang lain juga boleh dikembangkan seperti pencemaran bunyi dan pencemaran udara.

2. Kajian ini mendapati bahawa undang-undang sedia ada sebenarnya berkesan dalam memulihara air dari pencemaran cuma memerlukan pelaksanaan bersepadu. Namun, masalah etika masyarakat perlu dibendung juga kerana masalah pembuangan sampah di sungai-sungai oleh penduduk kawasan perumahan banyak menyumbang kepada pencemaran air yang serius. Justeru, kajian lanjutan boleh dibuat dari perspektif sosio-perundangan. Ianya dilihat lebih dekat dengan masyarakat sekaligus dapat meyedarkan masyarakat tentang undang-undang dan bagaimana undang-undang dapat mengawal aktiviti masyarakat. Kajian ini boleh melihat bagaimana institusi-institusi sosial sama ada kerajaan atau NGO atau institusi keagamaan memainkan peranan dalam mewujudkan kesedaran masyarakat dan membantu institusi perundangan dalam mengawal pencemaran air.

3. Kajian ini mendapati bahawa undang-undang air ini sangat memerlukan kepakaran saintifik terutama untuk mengetahui kawalan kualiti air secara spesifik. Jenis-jenis pencemar juga semakin sukar dikesan dan banyak bahan pencemar baru wujud di zaman moden ini. Justeru, kajian lanjutan digalakkan diulas dari perspektif perundangan, polisi

dan sains. Sebenarnya, pendekatan ini telah diperkenalkan di Pusat Undang-undang Air di Universiti Dundee di Scotland yang bernaung di bawah UNESCO. Gabungan sains , polisi dan undang-undang air dinamakan sebagai *Water Leader* (Peneraju Air). Namun, masih belum terdapat kajian dari perspektif perundangan Islam.